

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN**

Ruj. Kami : ANM (T) 81/41/25/2 Jld.4()

Tarikh: 11 September 2014

PERKARA	KURSUS BULANAN SIRI 8/2014: KECEMERLANGAN KEIBUBAPAAAN, TEKNIK MENDIDIK ANAK-ANAK YANG CEMERLANG	
DARIPADA	KPP SKPSM 1	Salinan : ANM TAN (K) } TAN (O) } <i>Yg. Bhg. Datuk / Dato' dijemput hadir</i>
KEPADA	P BPAD P BPOPP P BPPP P BPAS P BPOPA P BPTM P PPPA P IPN P BA MOF TP SKP	

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pembangunan Kerjaya dan Kompetensi, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan dengan kerjasama AKRAB JANM akan menganjurkan kursus bulanan siri 8/2014 bertajuk Kecemerlangan Keibubapaan dan Teknik Mendidik Anak-Anak Yang Cemerlang. Kursus yang akan disampaikan oleh Puan Rohani binti Saad dari Excel QMinds Training & Consultancy dijadualkan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 19 September 2014 (Jumaat)

Masa : 8.00 pagi hingga 4.30 petang

Tempat : Dewan Serbaguna JANM, Aras 7,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Putrajaya

3. Sehubungan dengan itu, semua warga JANM dan ahli AKRAB JANM adalah dijemput hadir. Pendaftaran kursus boleh dibuat mulai 11 September 2014 secara

atas talian (*online*) di website Jabatan (www.anm.gov.my). Sukacita diingatkan supaya tuan/puan mendapat kelulusan ketua jabatan terlebih dahulu sebelum membuat pendaftaran di atas talian. Jadual kursus seperti di **Lampiran A**.

4. Sijil kehadiran hanya akan dikeluarkan kepada peserta yang hadir dan mengikuti kursus sepenuhnya. Sijil boleh dimuat turun selepas 14 hari kursus selesai dijalankan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

Puan Fadzilah binti Jaafar Sidek	-	03-88821056
Cik Magdeline Sitam	-	03-88821183

Sekian, terima kasih.

"Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan"



(EBA JUIATA BINTI HJ. TAIB)

Samb. tel. : 1035

e-mail : eba.taib@anm.gov.my

fajar@anm.gov.my/11/9/2014

LAMPIRAN A**JADUAL KURSUS SIRI 8/2014 : KECEMERLANGAN KEIBUBAAPAN, TEKNIK MENDIDIK ANAK-ANAK YANG CEMERLANG**

Masa	Agenda
8.00 pagi	Pendaftaran peserta kursus dan sarapan pagi
9.00 pagi	Sesi 1 : Sesi Belaian Jiwa & Amalan Harian Iubupa Terbilang <ul style="list-style-type: none">• Amalan Harian Iubupa Terbilang• Petua & Teknik Membentuk Keluarga Bahagia
10.30 pagi	Sesi 2 : Menjadikan anak-anak Sebagai Daie (Ketua, pemimpin, khalifah dan contoh kepada orang lain) <ul style="list-style-type: none">• Mini Rangka Tindakan Membentuk Keluarga Bahagia
12.15 tengahari	Makan Tengahari/Tazkirah Zohor Untuk Peserta Wanita di Surau JANM/Solat Berjemaah
2.45 petang	Sesi 3 : Membantu Anak-Anak Cemerlang Dalam Akademik & Akhlak <ul style="list-style-type: none">• Rahsia Kehebatan Otak Kanan dan Teknik Belajar Mesra Minda• Membina Iman dan Yakin Diri• Kaedah dan Teknik Merangsang serta Memotivasi Anak-Anak• Doa-Doa Kecemerlangan• Vision Board Membentuk Keluarga Bahagia
4.30 petang	Penutup dan Penilaian Kursus
4.45 petang	Minum Petang dan Bersurai